

Shah Alam

Lalat soldadu rawat sampah

UiTM bangun projek rintis urus sisa organik di tapak pelupusan cara lebih mesra alam

Universiti Teknologi Mara (UiTM) bakal membangunkan projek perintis dalam usaha merawat sisa organik di tapak pelupusan sampah menggunakan lalat soldadu hitam.

Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Roziah Mohd Janor berkata, projek dengan kerjasama Berjaya EnviroPark Sdn Bhd dan Entomo Agroindustrial dari Sepanyol itu dijangka bermula Ogos depan.

"Penyelesaian mesra alam dan kos rendah ini menggunakan serangga seperti lalat soldadu hitam (*black soldier fly*) untuk mengitar semula sisa organik di tapak pelupusan sampah, menggunakan semula tapak pelupusan lama dan juga merawat air sisa.

"Sebagai peneraju, UiTM menjalankan segmen analisis data manakala komponen pengasingan sisa organik dijalankan Berjaya EnviroPark.

"Entomo Agroindustrial mereka bentuk kontena kargo automatik yang sesuai dengan keadaan tropika bagi rawatan sisa organik menggunakan serangga itu. Kontena berkenaan dibawa dari Sepanyol dan ditempatkan di Tapak Pelupusan Sanitari di Bukit Tagar," katanya pada majlis penukaran Memorandum Perjanjian (MoA) berhubung projek itu di antara UiTM bersama Berjaya EnviroPark Sdn Bhd dan Entomo Agroindustrial di Bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin di sini, semalam.

Pada majlis itu, Dr Roziah mewakili UiTM manakala Entomo Agroindustrial diwakili Pengarah Sains, Juan Cortes dan Berjaya diwakili Pengurus Besar Kanannya,



DR Roziah (dua dari kanan) diiringi Peter (kiri) dan Cortes melihat pameran penyelesaian mesra alam kos rendah menggunakan lalat soldadu hitam.

Peter Wong.

Katanya, berdasarkan maklumat dari Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) dianggarkan 38,427 tan metrik sisa pepejal dijana sehari apabila lebih 80 peratus terdapat di tapak pelupusan sampah di negara ini tahun lalu.

"Angka ini dijangka mencecah 14 juta tan metrik tahun ini bersamaan pengisian Menara Berkembar Petronas sebanyak 52 kali.

"Justeru, penyelesaian baru diperlukan segera untuk mengitar semula sisa organik dan antara agen penukaran

bio dikenal pasti ialah serangga.

"Tambah pula 50 peratus sisa pepejal dihasilkan berasal dari bahan organik yang boleh ditukar kepada kegunaan lebih baik," katanya.

Mengulas mengenai projek itu katanya, ia bertujuan menggunakan lalat soldadu hitam untuk mengitar semula sisa organik di tapak pelupusan, seterusnya menggunakan kitosan yang diekstrak daripada lalat soldadu hitam di loji rawatan kumbahan.

"Projek penyelidikan ini direka untuk mencapai ekonomi kitaran dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

"Saya harap projek ini menambah baik operasi sistem

pengurusan sisa organik agar menjadi lebih mampan, mesra alam seterusnya menambah baik dasar polisi pengurusan sisa negara," katanya.

Katanya, bagi projek bertajuk Penyelesaian Inovatif, Ekologi dan Kos Rendah untuk Sisa Organik dan Rawatan Air Sisa itu, UiTM menerima geran bernilai RM350,000 daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan diselesaikan dalam tempoh dua tahun.

"Penyelidik UiTM, Prof Madya Dr Heo Chong Chin dan Fellow Penyelidik dari Fakulti Perubatan UiTM, Dr Tania Ivorra memperoleh geran penyelidikan di bawah Program Inovasi Malaysia - Sepanyol (MySIP) 2020," katanya.

Dianggarkan
38,427 tan metrik
sisa pepejal dijana
dalam sehari